

# Reformasi Perundangan Islam Di Malaysia: Antara Impian Dan Realiti

Rahimin Affandi Abd. Rahim

## Abstract

*The article focusses its discussion on the dissemination of knowledge in the muslim world, which, according to the writer, is incapacitated by taqlid. The purpose of the discusson is to suggest means in lessening taqlid among the Malaysian muslims which for long has weakened the development of fiqh in the country.*

## Pendahuluan

Dari segi sejarahnya, alam Melayu atau Nusantara memang mempunyai hubungan yang agak lama dengan Islam. Penerimaan masyarakat Nusantara terhadap Islam dapat dilihat bukan setakat di peringkat masyarakat bawahan sahaja, bahkan turut diperkuatkan dengan komitmen yang mendalam daripada golongan pemerintah tempatan. Malah, dilihat dari segi keberkesanan gerakan dakwah Islam ini, peranan dan hubungan erat di antara pemerintah dengan para mubaligh telah menjadi faktor penentu di dalam konteks dakwah ini.<sup>1</sup>

Kebiasaannya, di mana sahaja terdapat perkembangan Islam, pasti akan

muncul tamadun yang menitikberatkan institusi pendidikan ilmu-ilmu Islam untuk tujuan kehidupan dunia dan akhirat.<sup>2</sup> Hal yang sama telah berlaku di alam Melayu. Sejarah telah mencatatkan bagaimana dengan penerimaan Islam di peringkat yang paling awal oleh kerajaan Melayu Samudera Pasai, kerajaan Aceh, kerajaan Melaka dan Pattani, institusi pengajian ilmu-ilmu Islam telah turut berkembang pesat.<sup>3</sup>

Tentang soal perundangan Islam (Fiqh), yang menjadi tumpuan utama kajian ini, pengajarannya telah berkembang pesat di setiap kerajaan Islam Nusantara yang wujud pada masa itu. Perkembangan pesat ini dapat dilihat dari minat dan kesungguhan pemerintah semasa,<sup>4</sup> ditambah pula dengan ketokohan ulamak-ulamak tempatan seperti Syeikh Nuruddin al-Raniri, Abdul Rauf Singkel, Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari, Syeikh Abdul Samad al-Palembani, Zainuddin al-Malabari dan Syeikh Daud al-Pattani; yang banyak melahirkan karya-karya fiqh yang agung dan masih kekal penggunaannya di kalangan masyarakat Melayu sehingga sekarang.<sup>5</sup>

Walaupun begitu, perkembangan pesat pengajian hukum Islam dalam era ini telah dicirikan di dalam tiga pendekatan penting, yang secara langsung telah mempengaruhi bukan setakat perkembangan fiqh Islam itu sendiri, bahkan juga membentuk kepercayaan masyarakat tempatan di kemudian hari. Ketiga-tiga pendekatan ini antara lainnya:

(1) Kebanyakan karya-karya fiqh ini bersumberkan kepada tokoh-tokoh aliran mazhabiyah dari zaman Taqlid. Keadaan ini akan lebih jelas jika dikaji sumber rujukan kitab fiqh yang ditulis dalam bahasa Melayu sepanjang era ini.<sup>6</sup>

Berbeza dengan zaman awal yang ternyata lebih baik, corak pengajian fiqh Islam di zaman Taqlid, tidak kira di Mekah ataupun di mana sahaja, termasuk di Nusantara sendiri, tidak lagi merujuk kajian mereka kepada sumber asasnya; Quran dan Sunnah. Sebaliknya merujuk kepada ulamak-ulamak mazhabiyah sahaja. Apa yang lebih memburukkan lagi keadaan ialah rujukan ini tidak secara langsung dibuat terhadap karya-karya Imam Syafi'i ataupun murid-muridnya yang setaraf dengannya.<sup>7</sup> Tetapi mereka lebih suka merujuk kitab-kitab yang berbentuk *Syarah* atau *Hasyiah* sahaja, seperti karya Ibn Hajar al-Haytami, Zakaria al-Ansari, al-Syarbini al-Khatib, al-Ramli dan sebagainya.<sup>8</sup> Dalam suasana kebukuan ini penuntut-penuntut dari Nusantara menerima pelajaran mereka di Timur Tengah<sup>9</sup> dan apabila pulang ke tanahair, mereka turut menyebarkan bentuk pengetahuan ini.<sup>10</sup>

(2) Bentuk ajaran Islam yang terkandung di dalam pengajaran dan karya-karya ulamak ini adalah di dalam perspektif yang ter had. Islam sebagai al-Din tidak diajarkan di dalam skop yang menyeluruh yang mencakup aspek politik, ekonomi dan sosial masya rakan.<sup>11</sup> Ajaran mereka lebih banyak tertumpu kepada soal-soal ibadah dan yang terhad kepada soal-soal individu semata-mata.<sup>12</sup>

(3) Lebih memburukkan lagi keadaan ialah masyarakat Melayu menganggap agama sebagai proses untuk mengahadapi alam akhirat. Amalan agama dilakukan semata-mata dengan tujuan untuk mendapat balasan pahala serta jaminan masuk syurga. Didorong oleh keinginan untuk kebahagiaan di akhirat ini, ramai daripada umat Islam waktu itu bersikap fanatik terhadap agama. Sikap fanatik dan keenggan

untuk menerima hakikat perubahan masa, pada matlamat akhirnya membawa mereka kepada sikap negatif dalam soal kehidupan dunia. Pegangan kepada konsep negativisme ini mengakibatkan mereka kerap kali bersikap menyerah nasib kepada takdir dan menjadikan mereka kurang berusaha.<sup>13</sup>

Malah lebih buruk lagi, pada beberapa peringkat, kepercayaan serta persepsi agama di kalangan golongan ini telah diresapi oleh *magis*. Pada mereka *magis* dan agama mempunyai peranan dan fungsi masing-masing walaupun pada hakikatnya dua gejala ini adalah jauh berbeza. Kepercayaan kepada *magis* ini didorong oleh keinginan untuk memahami dan menguasai alam sekeliling mereka melalui media jampi, mentera dan juga keramat.<sup>14</sup>

Walaupun sumbangan gerakan Islah Melayu tahun-tahun 1920-an dan 1930-an memang besar ertiannya di dalam usaha reformasi perundangan Islam,<sup>15</sup> tetapi sasaran utama gerakan ini dapat dilihat sebagai lebih bertumpukan kepada menggalakkan masyarakat Melayu Islam supaya melihat Islam di dalam perspektif yang lebih luas merangkumi kesemua aspek kehidupan manusia. Hasil yang nyata di dalam kontek ini ialah kemunculan golongan ulamak dan literati Melayu yang mula menganalisa dan mempersoalkan perkembangan semasa dan alam sekeliling mereka.<sup>16</sup>

### **Ilmu Usul Fiqh Sebagai Metodologi Pembaruan Di Dalam Perundangan Islam: Teori Dan Realiti.**

Mengikut fuqaha klasik, teks kandungan al-Quran dan al-Sunnah yang berkaitan dengan perkara-perkara perundangan terbatas dari segi jumlahnya, sedangkan persoalan dan permasalahan yang sentiasa timbul di dalam kehidupan manusia tidak terbatas. Atas sebab ini, penggunaan ilmu Usul Fiqh dalam bentuk ijtihad telah diperkenalkan dan ternyata telah mampu menyelesaikan masalah ini.<sup>17</sup>

Kaedah ilmu Usul Fiqh yang dicipta oleh fuqaha bagi membolehkan seseorang fuqaha Islam memahami kaedah dan mampu melakukan ijtihad,<sup>18</sup> telah dianggap oleh sarjana-sarjana moden sebagai mampu dan boleh dijadikan asas utama untuk mereformasikan perundangan Islam berhadapan dengan suasana kebekuan taqlid dewasa ini.<sup>19</sup>

Walaupun begitu, sebelum penggunaan kaedah ini sebagai alat untuk tujuan reformasi di zaman moden dapat dilakukan, dua halangan ataupun fahaman lama yang berkaitan dengan konsep Usul Fiqh perlu dikikis. Antaranya yang terpenting adalah:

- (1) Mengikis dakwaan yang menggangap ilmu Usul Fiqh sebagai kaedah untuk mengesahkan (justify) dan kadang-kadang menerangkan dengan terperinci segala fatwa dan keputusan hukum yang statik yang telah dikeluarkan oleh Imam mujtahid yang awal.<sup>20</sup>
- (2) Fahaman bahawa umat Islam selepas zaman kegemilangan Islam perlu bertaqlid kepada mazhab yang empat patut ditinggalkan.<sup>21</sup>

Realiti perundangan Islam yang ada di Malaysia sekarang ternyata tidak

mampu untuk mendokong usaha reformasi ini. Pengamalan dan pengajaran kaedah Usul Fiqh yang diterima secara warisan daripada zaman yang silam lebih berorientasikan kepada konsep taqlid mazhabiyah itu sendiri. Walaupun memang ada pembaruan yang dibuat terhadap sistem pentadbiran undang-undang Islam<sup>22</sup> berhadapan dengan halangan-halangan asas yang menyekat pelaksanaan undang-undang Islam<sup>23</sup> yang lebih berkesan, ternyata soal ini masih lagi belum cukup.

Berhadapan dengan arus kebangkitan Islam di seluruh dunia,<sup>24</sup> kebanyakan sarjana barat percaya bahawa arus ini yang digambarkan dalam bentuk yang menyeramkan,<sup>25</sup> tidak akan sampai ke mana-mana, kerana dunia Islam ketika ini mempunyai masalah dalaman yang amat meruncing. Permasalahan ini berpunca dari kekosongan dunia Islam dari kepimpinan yang berkesan dan apa yang lebih penting lagi adalah masyarakat Islam tidak mempunyai kepakaran keilmuan yang cukup, khususnya dalam bidang perundangan, untuk menghadapi arus kebangkitan ini.<sup>26</sup>

Ringkasnya, sebelum masyarakat Islam mampu membina semula tamadun perundangan mereka, perlu ada tokoh-tokoh Mujtahid Mutlaq yang mampu bertindak sebagai pakar di dalam membangunkan mazhab sendiri menggunakan kaedah Usul Fiqh berdasarkan pemahaman sendiri terhadap sumber-sumber *Naqli* dan *Aqli* sepetimana halnya dengan zaman kegemilangan sebelum era taqlid.

Tugas berat ini, walaupun dianggap oleh setengah ulama, termasuk ulama Malaysia, sebagai mustahil,<sup>27</sup> tetapi jika dilihat kepada sejarah kelahiran mujtahid selepas zaman kegemilangan tadi, ternyata institusi ijтиhad masih lagi berkembang pesat walaupun dalam bentuknya yang agak terbatas.<sup>28</sup>

Di dalam analisa umum yang dibuat oleh Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid terhadap perkembangan kesedaran baru di dalam sistem perundangan Islam yang cuba meninggalkan warisan era taqlid, beliau telah menggariskan beberapa perkembangan terbaru dalam soal ini yang dikesan secara umum di kebanyakan dunia Islam. Ia merangkumi perkembangan seperti terhapusnya sernangat fanatik di kalangan pengikut-pengikut mazhab fiqh, berubahnya cara belajar, lahirnya bentuk-bentuk penulisan baru dan penulisan undang-undang.<sup>29</sup> Impian dan gambaran suasana ini sayangnya sedikit sahaja yang kedapatan di Malaysia. Hal ini disebabkan oleh fahaman taqlid yang masih menebal di kalangan umat Islam Malaysia.

Realiti kebekuan ini di dalam kaedah Usul Fiqh di Malaysia secara jelasnya telah terbukti dengan tertanam kuatnya fahaman taqlid di dalam institusi pengajian dan perundangan Islam. Antara perkembangan yang relevan untuk contoh ini pertamanya; pembatasan pengajian keilmuan Islam, lebih-lebih lagi dalam bidang perundangan Islam kepada sesuatu mazhab sahaja. Sekiranya ada institusi pengajian tinggi yang mengamalkan sikap terbuka di dalam sukanan pengajian mereka yang mengambilkira semua mazhab yang terbesar di dalam Islam, walaupun di dalam bentuk perbandingan mazhab,<sup>30</sup> usaha ini akan ditentang keras. Apa yang lebih mendukacitakan lagi tindakan ini bukan sahaja dibuat oleh orang awam, bahkan turut didokong oleh golongan ulama.<sup>31</sup> Keadaan ini menunjukkan bagaimana institusi pendidikan Islam yang sepatutnya membebaskan diri dari fahaman fanatik mazhab

kaedah  
lebih  
mang  
lam<sup>22</sup>  
jang-  
akan  
ang  
ini  
dari  
ing  
up,  
6  
un  
ak  
ul  
li  
a

yang sempit telah tidak menjalankan fungsinya dengan baik.<sup>32</sup> Jika keadaan ini berlaku bagaimakah seruan ke arah tidak bermazhab dan kembali kepada ijtihad di dalam perundangan Islam seperti dilaungkan oleh kebanyakan sarjana dapat dijayakan.<sup>33</sup>

Keduanya, terdapat banyak kelemahan yang ketara di dalam institusi fatwa yang wujud di Malaysia. Mengikut Dr. Othman Ishak di dalam rumusan akhir kajiannya menyentuh institusi fatwa di Malaysia:

*"Pada keseluruhannya dapatlah ditegaskan bahawa hal keadaan fatwa di negeri-negeri Melayu itu masih mempunyai beberapa kelemahan. Antaranya, pertama, kerana fatwa yang dikeluarkan itu didapati tidak tidak selaras di seluruh negeri-negeri Melayu. Kedua, terdapat banyak fatwa yang dikeluarkan itu tidak menyatakan rujukan yang memuaskan, iaitu mengikut kaedah perundangan Islam. Ketiga, terdapat cara atau dasar yang dijadikan sumber untuk mengeluarkan hukum itu adalah tidak sesuai dengan kaedah ilmu usul al-fiqh. Keempat, didapati banyak pihak yang berkuasa tidak menguatkuasakan autoriti fatwa itu dengan sepenuhnya. Kelima, didapati bahawa ahli jawatankuasa fatwa yang dilantik itu tidak mempunyai keahlilan yang khusus atau kepakaran yang tertentu. Keenam, ahli jawatankuasa fatwa yang dilantik itu tidak terdiri dari semua mazhab yang dianut oleh umat Islam di negara ini. Kesemua ini memberi kesan tidak baik terhadap fatwa yang dikeluarkan."*<sup>34</sup>

Ketiganya, telah wujud beberapa bentuk kecaburan dan salah faham terhadap beberapa kaedah Usul Fiqh yang dijadikan landasan di dalam mengeluarkan dan menetapkan sesuatu hukum Syarak.<sup>35</sup> Akibatnya, telah timbul pihak-pihak tertentu yang cuba dengan sewenang-wenang menggunakan istilah-istilah Usul Fiqh di dalam menjalan dan melaksanakan sesuatu tindakan, walaupun pada dasarnya tindakan tersebut bertentangan dengan prinsip-prinsip Usul Fiqh itu sendiri.

Keempatnya, walaupun pengamalan konsep *Talfiq* di dalam institusi fatwa di Malaysia<sup>36</sup> kelihatannya bersesuaian dengan idea-idea pembaharuan ijtihad yang terangkum di dalam prinsip-prinsip *Siyasah Syari'ah* dan *Takhayyur*,<sup>37</sup> yang membenarkan ulama mengamalkan sikap terbuka di dalam lingkungan mazhab Sunni, tetapi pada hakikat sebenarnya prinsip ini dapat dianggap sebagai penerusan kepada konsep taqlid itu sendiri.<sup>38</sup>

## Kesimpulan

Di antara impian para reformis Islam yang ingin memperbaharui sistem perundangan Islam dan realiti taqlid di dalam perundangan Islam itu sendiri terdapat jurang yang amat besar sekali. Hal ini berlaku kerana budaya keilmuan dunia Islam pada masa ini telah begitu lama dicengkam oleh fahaman taqlid. Fahaman taqlid ini walaupun jelas bertentangan dengan roh Islam itu sendiri, tetapi amat susah untuk

dihapuskan. Sejarah Malaysia telah mencatatkan bagaimana gerakan Islam yang bertujuan hendak mengurangi fahaman taqlid ini terpaksa berhadapan dengan pelbagai bentuk tantangan hebat yang dilakukan bukan setakat oleh masyarakat awam, bahkan turut didokong oleh golongan ulama Islam sendiri. Begitu juga kejahanan tentang kaedah Usul Fiqh yang sepatutnya dijadikan alat utama untuk tujuan islah telah mencacatkan gerakan reformasi ini.

### Nota kaki

1. Abd. Jalil Borhan, *Siri Koleksi Bacaan Sejarah Perundangan Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur, 1993, hh. 60-63.
2. Dr. Haji Abdullah Ishak, *Sejarah Perkembangan Pelajaran dan Pendidikan Islam*, Petaling Jaya, 1989, hh. 46-70.
3. Abdul Jalil Borhan, "Sejarah Penulisan dan Pelaksanaan Hukum Islam di Nusantara", *Jurnal Syariah*, bil. 1, Januari 1993, hh. 146-150.
4. Dr. Abdullah Alwi Haji Hasan, "Pengajian Undang-undang Dalam Sejarah Pembinaan Ilmu-ilmu Islam", *Jurnal Syariah*, bil. 1, Januari 1993, hh. 77-79.
5. *Ibid.*
6. Mat Saad Abd. Rahman, *Penulisan Fiqh al-Shafi'i: Pertumbuhan dan Perkembangan*, Bangi, 1983, hh. 78-84.
7. Abdul Rahman Abdullah, *Pemikiran Umat Islam di Nusantara; Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad ke-19*, Kuala Lumpur, 1990, hh. 136-138.
8. Walaupun tujuan asal karya-karya ini adalah untuk mentafsir dan memudahkan kefahaman terhadap matannya, tetapi yang berlaku adalah sebaliknya, iaitu ianya semakin sulit dan rumit untuk difahami. Untuk maklumat lanjut sila lihat Profesor Ahmad Shalaby, *Masyarakat Islam*, Singapura, 1966, hh. 339-340.
9. Untuk maklumat lanjut tentang budaya taqlid yang diamalkan oleh dunia akademik Islam di dalam era ini, sila lihat Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, Kuala Lumpur, 1988, hh. 217-225.
10. Abdul Rahman Abdullah, *op.cit.* , hlm. 137.
11. Untuk melihat Islam sebagai al-Din yang mencakup kesemua aspek kehidupan manusia, sila lihat Muhammad Qutb, *Islam The Misunderstood Religion*, Pakistan, 1972.
12. Mohd. Sarim Mustajab, "Gerakan Islah Islamiyah di Tanah Melayu 1906 hingga 1948", dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur, 1982, hh. 152-153.
13. Pemikiran masyarakat Melayu tradisional ini dijelaskan dengan begitu menarik oleh Za'ba.

Lihat Adnan Haji Awang, "Pemikiran Awal Za'ba Untuk Perubahan Keadaan Masyarakat Melayu (1916-1923)", di dalam *Warisan Dunia Melayu: Teras Peradaban Malaysia*, Kuala Lumpur, 1985, hh. 190-207.

14. Mohd. Sarim Mustajab, *op.cit.* , hh. 152-153.
15. Abu Bakar Hamzah, "Al-IMAM: Its Role in Malay Society 1906-1908", Tesis M. Phil untuk South East Asian Studies, University of Kent at Canterbury, 1981, hh. 31-56.
16. Mohd. Sarim Mustajab, *op.cit.* , hh. 151.
17. Ibn Qayyim al-Jawziyyah, *I'lam al-Muwaqqi'in*, Kaherah, 1969, v. 11, hh. 20-21.
18. Dr. Yusuf al-Qaradhawi, *Ijtihad Dalam Syariat Islam: Beberapa Pandangan Analisis Tentang Ijtihad Kontemporer*, Terj. oleh Drs. Achmad Syathori, Jakarta, 1987, hh. 46-53.
19. Esposito, John L., "Muslim Family Law In Egypt And Pakistan: A Critical Analysis of Legal Reform, Its Sources and Methodological Problems", Tesis Ph. D Untuk Temple University, USA 1974, hh. 258-317.
20. Rahimin Affandi Abd. Rahim, "Ijtihad: Suatu Analisis Perbandingan", di dalam *Jurnal Syariah* , bil. 2, Julai 1993, hh. 153-161.
21. *Ibid.*
22. Sebagai contohnya, sila lihat Suwaid Tapah, "Undang-undang Pentadbiran Mahkamah Syariah di Malaysia", *Jurnal Syariah*, bil. 1, Januari 1993, hlm. 113-120.
23. Contoh untuk halangan ini ad diterangkan oleh Prof. Madya Paizah Hj. Ismail, "Pentadbiran Undang-undang Jenayah Islam di Malaysia", *Jurnal Syariah*, bil. 2, Julai 1993, hh. 299-311. Lihat juga Tan Sri Ahmad Ibrahim; "Ke Arah Islamisasi Undang-undang di Malaysia", di dalam *Ke Arah Islamisasi Undang-undang di Malaysia*, Kuala Lumpur, 1988, hh. 14-24; Dr. Mahmud Saedon Awang Othman; "Perlaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia:Kenyataan dan Permasalahannya", di dalam *Ke Arah Islamisasi Undang-undang di Malaysia*, Kuala Lumpur, 1987, hh. 3-24.
25. Antara yang kerap dinyatakan adalah istilah-istilah seperti Islam on the march, the return of Islam, Islam: The militant revival, militant Islam: The soldiers of Allah advance and banyak lagi. Lihat Dr. Siddiq Fadil, "Dilema Kepimpinan di Dunia Islam", di dalam *Minda Melayu Baru*, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 151-156.
26. *Ibid.*
27. Adnan Haji Awang, *op.cit.* , hh. 194-195.
28. Rahimin Affandi Abd. Rahim, *op.cit.*
29. Dr. Mahmood Zuhdi Ab. Majid, *op.cit.*, hh. 234-240.
30. Contoh kajian yang menggunakan pendekatan ini adalah Dr. Lutpi Ibrahim, "Kahwin Mut'ah":

Pendapat Syiah dan Ahli Sunnah”, *Berita Harian*, 9 Mei 1985; Dr. Engku Ibrahim Engku Ismail, “Kesahihan dan Kemutawatiran Hadith al-Ghadir”, di dalam *ISLAMIKA*, v. IV, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 12-28.

31. Said al-Mehdi, “Ajaran Syiah di Institusi Pengajian Tinggi”, *Dakwah*, Januari 1990, hlm. 18; Asri Yusuf, “Pandangan Terhadap Tulisan Hasan Salleh”, *WATAN*, 11 April 1989; Zabidi Hasan, “Mazhab Empat Adalah Sejajar Dengan al-Qur'an dan Sunnah Nabi”, *WATAN*, 15 April 1989.
32. Untuk melihat tentang tugas sebenar sistem pendidikan Islam di dalam kontek ini, sila lihat Dr. Haji Abdullah Ishak, *op.cit.* , hh. 1-17.
33. Lihat nota kaki no. 19.
34. Othman Haji Ishak, *Fatwa Dalam Perundangan Islam*, Kuala Lumpur, 1981, hlm. 193.
35. Mohd. Noor Deris, “Kekaburan Tentang Konsep Maslahah Dalam Perundangan”, *Jurnal Syariah* , bil. 1, Januari 1993, hh. 104-112.
36. Untuk melihat contoh-contoh fatwa yang menggunakan kaedah ini di Malaysia, sila lihat Othman Ishak; “Talfiq Dalam Perundangan Islam: di dalam *ISLAMIKA*, v. 111, Kuala Lumpur, 1985, hh. 95-98.
37. Esposito, *op.cit.* , hh. 245-257.
38. Suwaid Tapah; “Undang-undang Pentadbiran Fatwa di Malaysia”, di dalam *Jurnal Syariah*, bil. 2, Julai 1993, hh. 347-356.